
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Ijazah Luaran

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HTV 201 – TEKNIK BERFIKIR

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Tuliskan **NAMA TUTOR DAN PUSAT PENGAJIAN ANDA** di sudut atas bahagian kanan kulit buku jawapan anda. Anda tidak dibenarkan untuk menulis nama dan nombor matrik anda pada kertas jawapan.
2. Kertas ini mengandungi tiga bahagian. Jawab SATU soalan dari bahagian A, SATU soalan dari bahagian B dan SATU soalan dari bahagian C. Sumbangan markah setiap soalan di Bahagian A, B dan C ialah 40 markah, 40 markah dan 20 markah masing-masing.
3. Setiap jawapan tidak boleh melebihi 3 halaman.

Bahagian A

1. "Lesen stesen minyak yang enggan beroperasi 24 jam seperti sebelum ini akan ditarik balik, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal."
(Berita Harian, 11 Ogos 2007)

Dengan menggunakan teknik berfikir yang sesuai, bincangkan punca masalah dan cara penyelesaian yang boleh menguntungkan pengusaha stesen minyak dan juga pengguna.

[40 markah]

2. Kebanjiran penghibur asing di persada muzik tanahair telah menyebabkan kebimbangan dalam kalangan pengiat seni tanahair.

Dengan menggunakan teknik berfikir yang sesuai bincangkan punca kebimbangan itu dan jana cadangan penyelesaian bagi membendung masalah ini.

[40 markah]

Bahagian B

3. Kenderaan berjenama nasional memerlukan pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan untuk terus bersaing dengan jenama kenderaan luar negara yang lebih ternama.

Gunakan pemikiran kreatif melalui analisis dan desain untuk mencadangkan pembaharuan dan penambahbaikan ini.

[40 markah]

4. Terdapat banyak rungutan masyarakat awam tentang kecuaihan pihak hospital kerajaan dalam memberi diagnosis penyakit dan rawatan kepada para pesakit.

[a] Gunakan ciri-ciri 'kertas' bagi teknik penyertaan rawak untuk menjana idea-idea kreatif bagi membantu pihak hospital meningkatkan mutu perkhidmatan mereka.

[b] Gunakan topi hitam dan topi kuning untuk menilai idea-idea tersebut.

[40 markah]

...3/-

5. Kemerossotan disiplin dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia adalah berpunca daripada kelonggaran peraturan dan juga campurtangan ibubapa dalam urusan pentadbiran sekolah.

[a] Gunakan segitiga konsep untuk menjana cadangan yang boleh digunakan oleh Kementerian Pelajaran untuk menangani masalah ini.

[b] Nilai cadangan tersebut dengan menggunakan C&S dan PMI.

[40 markah]

Bahagian C

6. Bandingkan ciri-ciri dan kegunaan di antara pemikiran vertikal dan pemikiran lateral.

[20 markah]

7. Lakarkan satu peta minda berdasarkan ciri-ciri peta minda yang baik.

[20 markah]